

# Chairman's Statement



## DEAR SHAREHOLDERS,

“ On behalf of the Board of Directors of Arab-Malaysian Corporation Berhad (“AMCORP”), I am pleased to present the 91st Annual Report and Audited Financial Statements of the Group and Company for the financial year ended 31 March 2005. ”

We have come a long way from the very difficult days of the Asian Financial Crisis of 1997/98. We are now in a strong position to benefit from the stable economic condition in the country and to take advantage of opportunities to further increase value for our shareholders. We are, therefore, positive and optimistic about the future.

## BUSINESS REVIEW

### Financial Services


Our investments in the financial sector are expected to grow further. **AMMB Holdings Berhad (“AHB”)**, more commonly known as the AmBank Group, is the fifth largest anchor-banking group in Malaysia, and also represents by far our single largest investment, contributing a pre-tax profit of RM122.2 million for the year. We believe that our investment will continue to reap long-term benefits for AMCORP.

The year under review marked another milestone for the AmBank Group with the successful implementation of three major corporate exercises - the privatisation of AMFB Holdings Berhad in March 2005, the listing of the investment banking operations under AmInvestment Group Berhad on 18 May 2005 and the business merger of AmBank Group's commercial banking and finance company operations into a single entity, AmBank (M) Berhad on 1 June 2005. This combined entity is expected to operate more effectively as a result of the enlarged asset base, increased scale of operations and improved financing capabilities.

**RCE Capital Berhad (“RCE”)** is another company we have substantially invested in that has been consistently contributing to the Group's profits. This general consumer loan financing services business unit has recently been named by The Edge as among the top companies in Malaysia that have delivered the best returns to shareholders.

# Chairman's Statement

(continued)



Bangunan AmBank and AmFinance



(From the Right) Non-Executive Chairman and Directors of AmInvestment Group Berhad, Tan Sri Dato' Azman Hashim, Prof. Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba, Mr. Kok Tuck Cheong, Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert, Tan Sri Datuk Dr. Aris Osman @ Othman, Puan Pushpa Rajadurai at the listing of AmInvestment Group Berhad on Main Board of Bursa Malaysia, on 18 May 2005

To support its growing business, RCE secured a RM95.0 million financing facility from the Malaysian debt capital market consisting of a mixture of bonds and commercial papers. As at the end of the financial year, RM77.0 million of this facility has been utilised.

During the year, RCE's 21.1% acquisition of AmFirst Property Trust ("AMFPT") proved to be a rewarding investment. With AMFPT's proven income distribution track record, this acquisition is expected to provide RCE with a steady income stream. The recent renewed interest in Real Estate Investment Trusts in Malaysia will provide excellent growth opportunities given the current low interest rate environment. With this outlook, RCE will be increasing its stake in AMFPT to 42.1%. This acquisition is expected to be completed by the end of September 2005.

**Fulcrum Capital Sdn Bhd ("FCSB")** registered a pre-tax profit of RM17.0 million, a significant increase of 39.3% as compared with RM12.2 million in the previous year. This increase in profit is mainly due to higher recoveries and fee income.

## Direct Investments

- **Property**

Our investments in the property sector have been centered on the final phase of AMCORP Trade Centre ("ATC") in Petaling Jaya, the 1,015-acre township in Sibujaya, Sarawak, and the 400 acres Kayangan Heights bungalow development in Shah Alam.

Last year, I spoke about the construction of the final phase of ATC, which consisted of 403 units of serviced suites and 151 units of business suites. This final phase of ATC was completed on time and, I am pleased to report that both the business suites and serviced suites have been fully sold.

Meanwhile, development of the Sibujaya Township has progressed steadily with the joint launch of the new housing concept known as HDC Garden Terrace in February 2005 in association with the Housing Development Corporation of Sarawak. Response to date has been encouraging.

# Chairman's Statement

(continued)



Corporate office of Kayangan Heights in AMCORP Trade Centre, Petaling Jaya

With the completion of the Guthrie Corridor Expressway, Kayangan Heights, our bungalow development project located near an established neighbourhood in Shah Alam, is now easily accessible via all major highways in the Klang Valley. Plans have been formulated to market Kayangan Heights in the form of cluster bungalows and we are optimistic that this concept will be well received.

- **Information Technology**

**MCM Technologies Berhad ("MCMTECH")** spearheads the Group's venture into the IT sector. Given the competitive environment, margins for IT projects came under continuous pressure throughout the year. Despite the difficult operating environment, MCMTECH continues to focus on securing new IT projects in the financial services, telecommunication and government sectors, where considerable resources have been allocated to develop these core competencies.

Having just completed streamlining MCMTECH's investment portfolio, it is now more selective in sourcing new investment opportunities. Instead, much attention has been devoted to incubating and nurturing its existing portfolio of companies.

MCMTECH's search for quality companies with ideas that can be developed into viable businesses with high growth potential is on-going. At the same time, as a major shareholder in MCMTECH, AMCORP will continue to assist MCMTECH in developing, nurturing and adding value to its portfolio of companies.

## GROUP FINANCIAL PERFORMANCE

For the financial year ended 31 March 2005, our consolidated Group revenue was RM132.5 million. Driven by the strong and broad-based recovery of our investments in associated companies, the Group's profit before taxation rose from RM22.4 million to RM58.3 million.

AHB and RCE had contributed RM122.2 million and RM6.7 million respectively to the Group's share of results from associates.

## DELIVERING VALUE TO OUR SHAREHOLDERS

The corporate exercises implemented by the AmBank Group had offered us an opportunity to subscribe for shares pursuant to the listing of **AmInvestment Group Berhad ("AIGB")**. Viewing this as an excellent investment opportunity, AMCORP issued USD120 million (approximately RM456 million) exchangeable bonds to fund the subscription of its entitlement of AIGB shares, which was the most cost efficient method of funding at that time. The exchangeable bonds were well received with strong demand from a wide range of global investors, reflecting the market's confidence in us. The total book size was three times covered within one hour of the book opening which allowed us to extract the best terms and returns from our investors. We also obtained the highest conversion premium ever for a Malaysian exchangeable bond and the longest dated Malaysian exchangeable bond with a four-year put option, which was priced at a premium to the historical volatility.

The funds raised through the exchangeable bonds also allowed us to invest RM151.7 million to increase our shareholding in AHB by exercising our AHB warrants.

# Chairman's Statement

(continued)



*USD120 million  
exchangeable bonds issued  
by AMCORP*

AMCORP's share buy-back programme is another avenue of delivering value to our shareholders. As at 23 August 2005, we have re-purchased a cumulative total of 13,607,600 shares. We plan to continue buying back our shares this year, particularly when our share prices are trading below its net tangible assets value. Besides improving the earnings per share, this exercise will also reduce the number of shares in the open market, thereby allowing us to redistribute and maximise the intrinsic value accruing to our shareholders.

## INVESTOR RELATIONS

In line with our policy of maintaining effective communication and transparency with our shareholders, we have been actively pursuing investor relation activities with potential investors whilst keeping shareholders informed of our performance and initiatives.

During the year, we participated in international road shows organized by ABN AMRO in London and BNP Paribas in Singapore. These road shows are consistent with our objective of promoting AMCORP to a wider range of global investors. As a result, our foreign institutional shareholdings have been increasing steadily over the last year.

## PROPOSED CHANGE OF COMPANY'S NAME

To create a more distinct corporate identity for the Company, the Company had proposed to change its name from "Arab-Malaysian Corporation Berhad" to "AmcorpGroup Berhad". The proposed change of name is subject to the approval of the shareholders of the Company at the forthcoming Annual General Meeting.

## CORPORATE GOVERNANCE

The Board of Directors, the management team and I remain committed to performance with integrity and believe in the highest standards of corporate governance and compliance.

We will continue to work proactively with our shareholders, regulators and other market participants to foster a fair and efficient corporate governance environment.

## OUTLOOK

The Group will continue to improve and refine our organisation. I believe that this will serve us well throughout the coming year and I remain confident of the Group's longer term growth prospects.

## ACKNOWLEDGEMENT

I would like to express my gratitude to my fellow board members, the management team and all members of the staff for their support, contributions and dedication.

My special thanks to our shareholders, investors, financiers, business associates and the various governmental and regulatory authorities for their continued support and confidence in the Group.

**TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM**  
Executive Chairman

26 August 2005

# Penyata Pengerusi



## PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM YANG DIHORMATI,

“ Bagi pihak Lembaga Pengarah Arab-Malaysian Corporation Berhad (“AMCORP”), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Ke-91 dan Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005. ”

Kami telah berjaya mengharungi hari-hari yang amat sukar semasa Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997/98. Kami kini berada dalam kedudukan kukuh untuk meraih manfaat daripada keadaan ekonomi yang stabil di negara ini dan mengambil peluang untuk selanjutnya meningkatkan nilai bagi pemegang-pemegang saham kami. Oleh yang demikian, kami adalah positif dan optimistik terhadap masa hadapan.

### ULASAN PERNIAGAAN

#### Perkhidmatan Kewangan

Pelaburan kami dalam sektor kewangan dijangka akan meningkat selanjutnya. **AMMB Holdings Berhad (“AHB”)**, biasanya lebih dikenali sebagai Kumpulan AmBank, adalah kumpulan perbankan utama ke lima terbesar di Malaysia, dan juga setakat ini mewakili pelaburan terbesar tunggal kami, menyumbang keuntungan sebelum cukai sebanyak RM122.2 juta bagi tahun berakhir 31 Mac 2005. Kami percaya bahawa pelaburan kami akan terus mengaut faedah jangka panjang bagi AMCORP.

Tahun di bawah kajian menandakan satu lagi pencapaian buat Kumpulan AmBank dengan kejayaan pelaksanaan tiga cadangan korporat utama - penswastan AMFB Holdings Berhad pada Mac 2005, penyenaian operasi perbankan pelaburan di bawah AmInvestment Group Berhad pada 18 Mei 2005 dan penggabungan perniagaan operasi syarikat perbankan dan kewangan komersil Kumpulan AmBank kepada entiti tunggal, AmBank (M) Berhad pada 1 Jun 2005. Entiti gabungan ini dijangka akan beroperasi dengan lebih berkesan disebabkan oleh asas aset yang diperbesarkan, saiz operasi yang meningkat dan peningkatan keupayaan pembiayaan.

**RCE Capital Berhad (“RCE”)** adalah antara syarikat pelaburan utama kami yang telah menyumbang secara konsisten kepada keuntungan Kumpulan. Unit perniagaan khidmat pembiayaan pinjaman pengguna am ini telah baru-baru ini dinamakan oleh The Edge sebagai antara syarikat terunggul di Malaysia yang telah memberikan pulangan terbaik kepada pemegang-pemegang saham.

Untuk menyokong perkembangan perniagaannya, RCE memperolehi kemudahan pembiayaan sebanyak RM95.0 juta daripada pasaran modal hutang Malaysia yang merangkumi gabungan bon dan kertas komersil. Setakat akhir tahun kewangan, sebanyak RM77.0 juta daripada jumlah kemudahan ini telah diguna pakai.

## Penyata Pengerusi (sambungan)

Pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005, pengambilalihan 21.1% AmFirst Property Trust (“AMFPT”) RCE ternyata akan menjadi pelaburan yang menguntungkan. Dengan rekod prestasi pengagihan pendapatan AMFPT yang terbukti, pengambilalihan ini dijangka akan menyediakan RCE dengan aliran pendapatan yang teguh. Minat yang diperbaharui baru-baru ini dalam Amanah Pelaburan Hartanah di Malaysia akan memberikan peluang-peluang pertumbuhan yang cemerlang memandangkan persekitaran kadar faedah semasa yang rendah. Dengan harapan ini, RCE akan meningkatkan kepentingannya dalam AMFPT kepada 42.1%. Pengambilalihan ini dijangka akan selesai dilaksanakan menjelang akhir September 2005.

**Fulcrum Capital Sdn Bhd (“FCSB”)** telah mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM17.0 juta, peningkatan ketara sebanyak 39.3% berbanding dengan RM12.2 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan dalam keuntungan ini adalah disebabkan terutamanya oleh pemulihan yang lebih tinggi dan pendapatan yuran.

### Pelaburan Langsung

- **Hartanah**

Pelaburan kami dalam sektor hartanah telah ditumpukan pada fasa akhir Pusat Perdagangan AMCORP (“ATC”) di Petaling Jaya, kawasan perbandaran seluas 1,015 ekar di Sibujaya, Sarawak, dan 400 ekar kawasan pembangunan banglo Kayangan Heights di Shah Alam.

Tahun lepas, saya telah menyebut mengenai pembinaan fasa akhir ATC, yang terdiri daripada 403 unit suite perkhidmatan dan 151 unit suite perniagaan. Fasa akhir ATC ini telah disiapkan tepat pada masa dan, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa kedua-dua suite perniagaan dan suite perkhidmatan telah habis dijual.



*Pemandangan luar suite perkhidmatan*



*Rumah Teres Satu Tingkat PPP (Perbadanan Pembangunan Perumahan, Sarawak)*

Sementara itu, pembangunan Perbandaran Sibujaya telah mencapai kemajuan secara berterusan dengan pelancaran bersama konsep perumahan baru yang dikenali sebagai HDC Garden Terrace pada Februari 2005 bersama-sama dengan Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak. Sambutan sehingga kini amat menggalakkan.

## Penyata Pengerusi (sambungan)



Pejabat Korporat yang baru di Pusat Perdagangan AMCORP



"Flea Market" di AMCORP Mall

Dengan penyiapan projek lebuh raya ekspres Guthrie Koridor, Kayangan Heights, projek pembangunan banglo kami yang terletak berhampiran dengan kawasan kediaman mantap di Shah Alam, kini boleh diakses dengan mudah melalui semua lebuh raya utama di Lembah Klang. Rancangan telah dirumus untuk memasarkan Kayangan Heights dalam bentuk banglo-banglo kelompok dan kami optimistik bahawa konsep ini akan menerima sambutan yang baik.

- **Teknologi Maklumat**

***MCM Technologies Berhad ("MCMTECH")***

merupakan usaha penceburan Kumpulan dalam sektor IT. Dengan wujudnya persekitaran yang amat bersaing, margin bagi projek-projek IT yang dilaksanakan terus menghadapi tekanan sepanjang tahun. Di sebalik persekitaran kendalian yang rumit, MCMTECH terus memberi tumpuan untuk mendapatkan projek-projek IT yang baru daripada sektor perkhidmatan kewangan, telekomunikasi dan kerajaan, di mana sumber-sumber yang agak besar telah diperuntukkan untuk membangun teras kekompetenannya di dalam bidang-bidang ini.

Sejurus selepas penyelesaian dan memperkemaskinikan portfolio pelaburan MCMTECH, ia kini lebih memilih di dalam mencari peluang-peluang pelaburan yang baru. Lebih banyak tumpuan kini diberikan atas menginkubasi dan memupuk portfolio syarikat yang tersedia ada.

Pencarian MCMTECH bagi syarikat-syarikat berkualiti dengan idea yang boleh dimajukan untuk menjadi perniagaan yang berdaya maju dengan potensi pertumbuhan tinggi masih dilaksanakan. Pada masa yang sama, sebagai pemegang saham utama dalam MCMTECH, AMCORP akan terus membantu MCMTECH dalam membangunkan, memupuk dan menambah nilai kepada portfolio syarikat-syarikatnya.

# Penyata Pengerusi

(sambungan)

## PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005, hasil disatukan Kumpulan kami adalah sebanyak RM132.5 juta. Disokong oleh pemulihan pelaburan kami yang kukuh dan menyeluruh dalam syarikat-syarikat bersekutu, keuntungan sebelum cukai Kumpulan telah meningkat daripada RM22.4 juta kepada RM58.3 juta.

AHB dan RCE masing-masing telah menyumbang RM122.2 juta dan RM6.7 juta kepada bahagian hasil Kumpulan daripada syarikat-syarikat bersekutu.

## PENYAMPAIAN NILAI KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM KAMI

Langkah pengkorporatan yang dilaksanakan oleh Kumpulan AmBank telah menawarkan kami peluang untuk melanggan saham-saham selaras dengan penyenaian AmInvestment Group Berhad ("AIGB"). Melihat ini sebagai peluang pelaburan yang sangat baik, AMCORP telah menerbitkan USD120 juta (lebih kurang RM456 juta) bon boleh ditukar untuk membiayai langganan keberhakan saham AIGBnya, yang merupakan kaedah pembiayaan paling cekap dari segi kos pada masa tersebut. Bon-bon boleh ditukar telah diterima dengan baik dengan permintaan menggalakkan daripada rangkaian pelabur-pelabur global yang meluas, mencerminkan keyakinan pasaran terhadap kami. Jumlah saiz tempahan dipenuhi tiga kali ganda dalam masa satu jam pembukaan tempahan yang membolehkan kami menaik terma-terma dan pulangan terbaik daripada pelabur-pelabur kami. Kami juga memperolehi premium penukaran tertinggi bagi bon boleh ditukar Malaysia dan bon boleh ditukar Malaysia bertarikh paling lama dengan opsyen jual selama empat tahun, yang diletakkan harga pada kadar premium kepada sejarah turun naik.

Dana yang dihasilkan melalui bon boleh ditukar juga telah membolehkan kami melabur RM151.7 juta bagi meningkatkan pemegangan saham kami dalam AHB menerusi pelaksanaan waran AHB kami.

Program beli-balik saham AMCORP merupakan satu lagi cara penyampaian nilai kepada pemegang-pemegang saham kami. Setakat 23 Ogos 2005, kami telah membeli semula jumlah kumulatif sebanyak 13,607,600 saham. Kami merancang untuk terus membeli balik saham-saham kami tahun ini, terutamanya apabila harga saham kami didagangkan di bawah nilai aset ketara bersihnya. Selain meningkatkan perolehan setiap saham, langkah ini akan juga mengurangkan bilangan saham dalam pasaran terbuka, dengan itu membolehkan kami untuk mengagihkan semula dan memaksimumkan nilai intrinsik terakru kepada pemegang-pemegang saham kami.

## HUBUNGAN PELABUR

Sejajar dengan polisi kami untuk mengekalkan komunikasi berkesan dan ketelusan dengan pemegang-pemegang saham kami, kami telah melaksanakan kegiatan perhubungan pelabur secara aktif dengan pelabur-pelabur berpotensi manakala memastikan pemegang-pemegang saham mengetahui mengenai prestasi dan inisiatif kami.

Dalam tahun di bawah kajian, kami telah mengambil bahagian dalam *road show* antarabangsa yang dianjurkan oleh ABN AMRO di London dan BNP Paribas di Singapura. *Road show* ini adalah seimbang dengan objektif kami untuk mempromosikan AMCORP kepada rangkaian pelabur-pelabur global yang lebih luas. Akibatnya, pemegangan saham kami oleh institusi-institusi asing telah meningkat dengan kukuh pada tahun lepas.

# Penyata Pengerusi

(sambungan)

## CADANGAN PERTUKARAN NAMA SYARIKAT

Dengan tujuan untuk membentuk identiti korporat yang lebih ternyata, Syarikat telah bercadang untuk menukar namanya daripada “Arab-Malaysian Corporation Berhad” kepada “AmcorpGroup Berhad”. Cadangan pertukaran nama ini adalah tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

## URUS TADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan saya tetap komited kepada prestasi dengan integriti dan percaya akan taraf pematuhan urus tadbir korporat yang paling tinggi.

Kami akan terus bekerja secara proaktif dengan pemegang-pemegang saham kami, pengatur-pengatur selia dan peserta-peserta pasaran lain untuk memupuk persekitaran urus tadbir korporat yang adil dan cekap.

## HARAPAN

Kumpulan akan terus mempertingkatkan dan memperkemaskan organisasi kami. Saya percaya bahawa ini akan membantu kami dengan baik sepanjang tahun yang akan datang dan saya tetap yakin kepada prospek pertumbuhan jangka panjang Kumpulan.

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan pengarah saya, pihak pengurusan, dan semua kakitangan Kumpulan di atas sokongan, sumbangan dan dedikasi mereka terhadap Kumpulan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih khas kepada pemegang-pemegang saham, pelabur-pelabur, pembiaya-pembiaya, sekutu-sekutu perniagaan dan pelbagai pihak berkuasa kerajaan dan pengawalselia di atas sokongan berterusan dan keyakinan mereka terhadap Kumpulan.



**TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM**

Pengerusi Eksekutif

26 Ogos 2005